

● **Projek penanaman padi UPM di Lubok Punggor mampu tingkat pendapatan petani sehingga 60 peratus: Abang Johari**

"Bagi jangka panjang, saya berasakan kita mampu memenuhi sara diri pengeluaran beras untuk Sarawak, iaitu lebih kurang 240,000 tan dan kalau kita bangunkan tempat lain termasuk di lembah Limbang, bermakna kita akan dapat mengeluarkan beras untuk kawasan luar dari Sarawak," jelasnya.

Bagaimanapun katanya, bagi mencapai sasaran berkenaan kerajaan akan membangunkan infrastruktur

pertanian terlebih dahulu termasuk di Lubok Punggor, Banting dan Lingga di Sri Aman dan Tanjung Purun di Lundu yang akan dibangunkan dengan penanaman padi secara teknologi.

Justeru katanya, kerajaan telah meluluskan RM30 juta untuk menaik taraf sistem perparitan dan tali air di kawasan berkaitan yang akan menjadikan Lubok Punggor sebagai model untuk kos.

"Kita akan melihat kepada kos yang telah kita laksanakan di sini bagi kawasan lain khususnya dari sudut pembangunan pembangunan parit dan tali air. Ini akan membolehkan pengeluaran padi seluruh Sarawak yang sekali gus meningkatkan pendapatan petani kita," tegasnya.

Abang Johari berkata, apa yang penting adalah penggunaan teknologi dalam membangunkan penanaman padi seperti yang dikaji UPM di Lubok Punggor di mana mereka turut menggunakan mesin.

"Kita akan mengambil kira menggunakan mesin dan mesin berkenaan dipunyai koperasi di kawasan berkaitan. Mereka boleh menyewakannya kepada petani.

"Ia bermakna mereka menggunakan teknologi moden untuk kita menghasilkan padi," ujarnya.